

## *Tidak pernah lantik ejen*

Pencarum, waris perlu terus ke pejabat Perkeso untuk sebarang tuntutan faedah

KUALA LANGAT - Pencarum dan waris diminta tidak menggunakan orang tengah dalam membuat sebarang tuntutan faedah dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Pengarah Perkeso Selangor, Zainol Abu berkata, pihaknya menerima aduan awam termasuk menerusi Facebook mengenai khidmat orang perantara yang selalau boleh mendapatkan wang faedah dengan cepat.

"Kita tidak melantik mana-mana ejen menguruskan hal berkaitan tuntutan, malah tidak menjadikan halangan sekiranya pekerja atau waris ingin berjumpa terus dengan pengurus di semua 50 pejabat cabang kita di Malaysia."

"Mereka ni ambil kesempatan dengan iklangan pelbagai bentuk hebatan selain mengaut keuntungan lebih dan ia akan merugikan mangsa," katanya ketika menyampaikan faedah Perkeso ke-



Sulaiman menyampaikan faedah Perkeso kepada waris keluarga terlibat dalam kemalangan sambil diperhatikan Zainol.

pada waris keluarga yang terlibat dalam kemalangan di Kilometer 38.6 Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE) menghalau ke Pulau Indah pada 30 Januari lalu.

Pasangan suami isteri terbabit,

seorang kakitangan sebuah kilang di Telok Panglima Garang P Maniveloo, 47, dan isteri, S Malathi, 42, maut di tempat kejadian selepas dipercayai berterbumbung dengan sebuah kenderaan pacuan empat

roda.

Pasangan berkenaan meninggalkan dua anak, M Mansurangan, 19, dan M Manipsanthini, 17, yang kini tinggal bersama neneknya, K

Krishnamma, 68.

Zainol berkata, waris berkenaan layak menerima faedah pengurusan jenazah RM1,500 dan Pencen Penatkat berjumlah RM1,294.20 sebulan sehingga mereka 21 tahun.

Katanya, jika waris ingin melanjutkan pendidikan di peringkat universiti pula mereka layak memohon pinjaman Perkeso untuk pendidikan.

Sementara itu, Pengurus Pembangunan Luar Bandar Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, majikan perlu prihatin mencarum kepada Perkeso dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi menjamin pekerja mereka pada masa akan datang.

"Sebagai pemimpin kita tak nak padam bila kemalangan ia jadi beban kepada pekerja dan bagi saya jangan anggap hal ini sebagai paksaan tetapi sebagai sumbangan sosial," katanya.

*Siri Kelas Tadabbur Tazakkur*

**BERINTERAKSI DENGAN AL-QURAN**

**INFO KELAS :**

Al-Quran adalah sebuah kitab agung yang terkandung perihal peringatan, petunjuk, perawar dan rahmah.

Bila dikatakan berinteraksi, peserta akan diajar untuk memahami ayat Allah swt dan merancang kehidupan bersama Al-Quran.

Insha Allah, bilamana sering berinteraksi dengan Al-Quran ianya menggalakkan kita untuk berubah ke arah kebaikan.

**APA KATA ALUMNI ?**

"Saya belajar tentang asas & praktikal tadabbur & tazakkur. Tadabbur & Tazakkur membuatkan saya menghargai Al-Quran dan bersemangat untuk menjadikan Al-Quran sumber utama dalam kehidupan dalam meraih syurga Allah"

Maisarah bt Rahim

25-26 FEB 2017 | M/PETANG

9.00 AM - 6.00 PM

Karangkraf, Seksyen 15 Shah Alam

HUBUNGI  
**013 964 6618 (AIMI)**

DAFTAR  
[bit.ly/BDQ2017](http://bit.ly/BDQ2017)

Anggota  
Sinergi Ikhlas

Sokongan Bersekutu

KURAPULANG MEDIA  
karangkraf  
membarakan  
jawa &  
minda

**KEISTIMEWAAN KELAS :**

- Boleh Recaj : Alumni Boleh Hadir Kelas Ini Sepanjang 2017, secara PERCUMA \*\*
- Hadih Buku Nikmatnya Tadabbur Tazakkur

**INFO KELAS :**

Al-Quran adalah sebuah kitab agung yang terkandung perihal peringatan, petunjuk, perawar dan rahmah.

Bila dikatakan berinteraksi, peserta akan diajar untuk memahami ayat Allah swt dan merancang kehidupan bersama Al-Quran.

Insha Allah, bilamana sering berinteraksi dengan Al-Quran ianya menggalakkan kita untuk berubah ke arah kebaikan.

**APA KATA ALUMNI ?**

"Saya belajar tentang asas & praktikal tadabbur & tazakkur. Tadabbur & Tazakkur membuatkan saya menghargai Al-Quran dan bersemangat untuk menjadikan Al-Quran sumber utama dalam kehidupan dalam meraih syurga Allah"

Maisarah bt Rahim

25-26 FEB 2017 | M/PETANG

9.00 AM - 6.00 PM

Karangkraf, Seksyen 15 Shah Alam

HUBUNGI  
**013 964 6618 (AIMI)**

DAFTAR  
[bit.ly/BDQ2017](http://bit.ly/BDQ2017)

Anggota  
Sinergi Ikhlas

Sokongan Bersekutu

KURAPULANG MEDIA  
karangkraf  
membarakan  
jawa &  
minda